

PTMCLOUD

Penghantaran Fail Elektronik Bersaiz Besar Melalui Internet

*Azman Bin Chik
Pusat Teknologi Maklumat
Canselori
abc@ukm.my*



Sewaktu menjalankan penyelidikan penyelidik sering kali bergantung pada data-data yang diterima atau perlu dihantar kepada pihak lain. Pada kebiasaanya penghantaran data dilakukan melalui email atau pelayan FTP yang disediakan oleh organisasi. Terdapat juga penyelidik yang menggunakan kemudahan storan yang disediakan oleh pihak ketiga seperti Dropbox untuk membolehkan proses pertukaran data dibuat antara penyelidik.

Kekangan yang wujud apabila menghantar lampiran melalui email adalah saiz lampiran tersebut. Jika lampiran terlalu besar seperti melebihi 8 MB; kemungkinan besar penghantaran email tersebut akan ditolak oleh pelayan email. Kemudahan pelayan FTP pula menghadapi kekangan daripada segi mewujudkan pelayan tersebut. Organisasi mungkin menetapkan peraturan pelayan FTP hanya boleh berada di dalam lingkungan alamat IP tertentu sahaja di mana komputer penyelidik mungkin berada di luar lingkungan alamat IP tersebut. Penggunaan kemudahan storan dipihak ketiga mungkin tidak digemari oleh sesetengah penyelidik kerana data tersebut di simpan dipelayan yang berada di luar kawalan organisasi mereka.

Penghantaran fail elektronik bersaiz besar melalui internet merupakan antara perkhidmatan yang disediakan oleh universiti luar negara bagi menyokong penyelidik menjalankan penyelidikan selain kemudahan pengkomputeran grid dan Virtualization. The University of Sydney misalnya menyediakan perkhidmatan Cloudstor sebagai sistem penghantaran fail bersaiz besar di mana penyelidik boleh berkongsi fail sebesar 100GB di antara penyelidik dalam dan luar universiti. Utah State University pula menyediakan kemudahan Big File Transfer untuk pemindahan fail bersaiz besar.

Sebagai satu usaha menyokong penyelidikan dalam aspek pemindahan fail elektronik bersaiz besar, Pusat Teknologi Maklumat (PTM) melalui bahagian di bawah Timbalan Pengarah Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan (SPP) sedang menguji perkhidmatan penghantaran fail elektronik bersaiz besar melalui internet. Perkhidmatan ini yang dikenali sebagai PTMCLOUD disedia bagi membolehkan penyelidik berkongsi data penyelidikan bersaiz sehingga 2GB di antara rakan-rakan penyelidik. Perkhidmatan PTMCLOUD hampir sama seperti DropBox yang membezakannya adalah lokasi pelayan PTMCLOUD berada di dalam UKM.

Perkhidmatan PTMCLOUD berfungsi seperti berikut:

1. Penyelidik memohon akaun PTMCLOUD daripada PTM
2. Akaun akan diwujudkan dan diaktifkan.
3. Pemegang akaun akan login ke PTMCLOUD
4. Pemegang akaun akan muatnaik (upload) fail ke dalam storan (saiz storan :2 GB)
5. Pemegang akaun akan kongsi fail melalui pautan dalam email
6. PTMCLOUD akan hantar email secara automatik kepada penerima.
7. Penerima akan muatturun (download) fail melalui pautan email.

Perkhidmatan PTMCLOUD disediakan dalam versi BETA di mana ia masih berada di dalam peringkat pengujian. PTM sedang mengkaji kesesuaian penggunaan PTMCLOUD dan bagaimana fungsi-fungsi yang terdapat di dalam PTMCLOUD boleh dikembangkan lagi bagi menyokong penyelidik menjalankan penyelidikan.

Rujukan:

<http://sydney.edu.au/ict/services/email-and-communication-tools.shtml>

<http://it.usu.edu/htm/service-catalog/bft/>